

Rasional pilihan PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
(WARTAWAN UTUSAN)

Pemilihan barisan baru Kabinet itu adalah berdasarkan pengalaman mereka. Kabinet inilah yang akan melaksanakan segala yang terkandung dalam RMK-9

ABDULLAH AHMAD BADAWI



ABDULLAH AHMAD BADAWI

TEPAT pukul 2.45 petang, kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan diiringi timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak melangkah masuk ke Dewan Taklimat, Jabatan Perdana Menteri.

Dengan wajah yang tenang dan ceria, Abdullah mengumumkan satu persatu nama mereka yang terlibat dalam rombakan Kabinet yang pertama kali dilakukannya sejak pembentukan jemaah menteri pada 27 Mac 2004.

Tiada kejutan, tiada rombakan besar, apa yang ada hanyalah pengumuman kenaikan pangkat dua timbalan menteri menjadi menteri penuh, dua muka lama kembali melaksanakan tugas dalam kabinet, dua menteri digugurkan dan dua lagi menteri berundur dengan sukarela.

Biarpun tiada kejutan, namun rombakan yang diumumkan sudah cukup menamatkan segala spekulasi dan sekali gus menjelaskan kenapa perubahan itu dilakukan.

Ternyata barisan Kabinet yang diperbaharui itu bukan merealisasikan 'apa orang kata' sebagai perhitungan, apatah lagi perhitungan politik.

Sebaliknya Abdullah meletakkan kepentingan untuk menjayakan agenda yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan pada 4 April ini. Faktor ini mengatasi pelbagai tanggapan lain.

"Pemilihan barisan baru Kabinet itu adalah berdasarkan pengalaman mereka. Kabinet inilah yang akan melaksanakan segala yang terkandung dalam RMK-9."

Pemikiran

Itulah hujah Abdullah bagi memadam segala spekulasi, andaian atau tafsiran yang masih berlegar dalam radar pemikiran sesetengah pihak.

Sememangnya pengalaman menjadi teras utama kepada Abdullah yang amat memahami betapa pentingnya barisan Kabinet dianggotai oleh mereka yang berupaya melaksanakan agenda RMK-9.

Pelantikan Datuk Zainuddin Maidin sebagai Menteri Penerangan dan Datuk Zulhasnan Rafique sebagai Menteri Wilayah Persekutuan serta pengkekal semua menteri kanan di portfolio lama sudah jelas membuktikan pengalaman menjadi perhitungan utama Perdana Menteri.

Begitu juga dengan perubahan portfolio tiga menteri seperti Datuk Mustapa Mohamed yang berubah

daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pengajian Tinggi bagi menggantikan Datuk Seri Dr. Shafie Mohd. Salleh, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Datuk Seri Azmi Khalid ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Bagi Pensyarah Kanan Politik, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Mustafa Mohamed Ishak, Perdana Menteri memilih mereka yang kuat bekerja dan mampu melaksanakan agenda RMK-9.

"Ini kerana RMK-9 menjadi asas penting dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020, justeru jika kita melihat latar belakang pengalaman menteri atau timbalan menteri berkenaan adalah jelas Perdana Menteri mahu mereka yang mampu bekerja," katanya.

Zainuddin contohnya, kata beliau dilihat orang yang paling layak berada di kedudukan sebagai Menteri Penerangan memandangkan pengalaman beliau dalam dunia kewartawanan.

"Melalui pengalaman itu, Zainuddin sudah pasti mempunyai kemampuan bagaimana untuk merangka agenda bagi menghadapi cabaran globalisasi terutamanya serangan media asing," katanya.

Begitu juga Zulhasnan di Wilayah Persekutuan, sebagai seorang wakil rakyat, Zulhasnan pada pandangan Mustafa mempunyai keupayaan untuk mengendalikan permasalahan yang berlaku di Kuala Lumpur dan dua lagi Wilayah Persekutuan.

Mengenai pengkekal kedudukan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz, Mustafa menganggap tidak perlu dibuat lagi sebarang spekulasi.

Ini kerana, kata beliau, adalah jelas Abdullah melihat pengalaman yang ada pada Rafidah amat penting dalam usaha memastikan RMK-9 berjaya.

"Abdullah lebih mengetahui keupayaan Rafidah. Isu yang melibatkan menteri tersebut baru-baru ini sama sekali tidak menjejaskan atau menggugat kewibawaan Rafidah yang dikenali sebagai seorang menteri yang berjaya di MITI," katanya.

Bagaimanapun seperti juga pemerhati politik lain, Mustafa lebih tertarik kepada perubahan portfolio yang dialami oleh Mustapa Mohamed yang berpindah dari JPM ke Kementerian

Pengajian Tinggi.

Mungkin ramai yang melihat Ahli Parlimen Jeli itu lebih sinonim dengan ekonomi berdasarkan latar belakang pendidikan dan Kementerian yang pernah dikendalikannya.

Tetapi hakikatnya, rombakan kali ini menyaksikan Mustapa diletakkan dalam satu Kementerian yang dianggap akan menjadi salah satu nadi penting bagi menjayakan RMK-9.

Mustapa sebelum ini tidak diberi tugas politik di Kelantan bagi membolehkan beliau menumpukan perhatian kepada agenda merangka RMK-9.

Kini tugas itu menurut seorang pembantu kanannya sudah pun selesai. Tugas Mustapa seterusnya ialah 'memastikan yang ditulis di atas kertas dilaksanakan.' Apatah lagi RMK-9 meletakkan pembangunan modal insan sebagai fokus utama.

Pembangunan modal insan perlu bermula di universiti dan atas faktor inilah Mustapa dipilih.

"Mustapa bukanlah asing bagi warga kampus, malah beliau cukup popular di kalangan naib-naib canselor universiti. Pengalaman di Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan JPM akan membantu beliau melaksanakan mandat yang diberikan oleh Abdullah," kata seorang pemerhati politik.

Menghayati

Sebagai salah seorang yang melibatkan diri hampir dua tahun dalam merangka RMK-9, Mustapa sudah pasti menghayati sepenuhnya semangat dan falsafah rancangan pembangunan lima tahun itu.

Sebenarnya, kejayaan RMK-9 yang berteraskan kepada modal insan banyak bergantung kepada keupayaan negara melahirkan graduan-graduan yang berjaya.

"Ketika dalam MTEN, kita banyak mengadakan pertemuan dengan warga kampus, justeru beliau amat memahami bagaimana untuk memastikan institusi pengajian tinggi (IPT) mampu melahirkan graduan yang berjaya. Hal ini termasuk juga, bagaimana melalui pelaksanaan RMK-9 masalah graduan menganggur dapat diselesaikan," kata sumber yang rapat dengan menteri itu.

Selain itu Mustapa merupakan orang yang bertanggungjawab menubuhkan tabung bagi membolehkan

para pensyarah mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka.

Langkah tersebut beliau lakukan ketika menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sehingga memungkinkan ramai pensyarah beralih menjadi usahawan yang berjaya.

Justeru, jelas Abdullah ingin menggunakan segala kepakaran yang ada pada Mustapa dalam soal pembangunan insan.

Begitu juga latar belakang undang-undang yang ada pada Radzi Sheikh Ahmad yang dipindahkan dari JPM ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Biarpun berlaku pengguguran dua menteri dan tiga timbalan menteri, tetapi ia seolah-olah tidak menjadi isu kerana banyak pemerhati politik berpendapat, jawapan Abdullah iaitu "Saya fikir jawatan itu patut dipegang oleh orang lain" menjelaskan rasional kenapa Shafie Salleh digugurkan. Kenyataan Perdana Menteri itu juga relevan untuk semua anggota Kabinet yang terlibat.

Apa pun Abdullah sebagai Perdana Menteri telah pun mengumumkan barisan Kabinetnya.

Sama ada mereka dikekalkan, digugurkan atau dilantik, segalanya berasaskan kepada pengalaman dan keupayaan kerana seperti mana kata Abdullah, "Saya rasa ini merupakan pasukan yang terbaik yang dapat saya putuskan."